



Anwar dan Jinping mengetuai mesyuarat dua hala di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Malaysia, China komited perkasa kerjasama pelbagai bidang

Jinping berazam memajukan komuniti China-Malaysia demi kemakmuran serantau

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan China komited untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, perdagangan dan pelaburan, selain teknologi baharu seperti inisiatif kecerdasan buatan (AI), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pada

masa sama, kerjasama akan turut membabitkan semua kaedah yang dibincangkan kedua-dua negara sejak sekian lama.

“Malaysia mengalu-alukan kedatangan Presiden China, Xi Jinping ke negara ini, bukan sahaja sebagai Presiden kepada sebuah negara besar, tetapi juga sebagai sahabat yang sejati.

“Seperti yang saya nyatakan ketika pertemuan kita di China, Presiden Xi menunjukkan satu persona baharu, kepemimpinan, bercakap mengenai pertumbuhan dan pelaburan serta kemajuan ekonomi.

“Beliau bercakap mengenai membasmi kemiskinan dan membuktikan kejayaannya dan lebih penting, mengenai kemakmuran dan tamadun yang dikongsi bersama, yang hampir tidak dizahirkan oleh mana-mana pemimpin moden di dunia

ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada Mesyuarat Dua Hala antara Malaysia dan China di Kompleks Seri Perdana di sini, semalam.

Mesyuarat dihadiri Jinping dan menteri Kabinet serta pegawai kedua-dua negara.

Antara yang hadir, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Selepas mesyuarat berkenaan, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri juga menganjurkan majlis makan malam rasmi di Kompleks Seri Perdana

bagi meraikan Jinping.

Jinping tiba di Malaysia petang kelmarin untuk mengadakan lawatan negara selama tiga hari atas jemputan Yang di-Perutusan Agong, Sultan Ibrahim.

Komited kukuh kerjasama

Sementara itu, dalam ucapan pembukaannya, Jinping turut menyatakan komitmennya yang kukuh untuk memperdalam lagi kerjasama dengan Malaysia dan berharap hubungan antara kedua-dua negara berkembang sehingga ke generasi akan datang.

“Saya sedia bekerja keras bersama anda (Perdana Menteri) untuk memajukan lagi masyarakat China-Malaysia dengan masa depan yang dikongsi bersama dalam hala tuju strategik peringkat tinggi, yang membawa lebih banyak manfaat kepada

rakyat kita dan menyumbang kepada kemakmuran serantau.

“Biarlah persahabatan antara China dan Malaysia berkembang untuk generasi akan datang.

“Ini adalah kepulangan saya ke Malaysia selepas 12 tahun. Malaysia sudah mencapai satu kejayaan baharu dalam pembangunan negara.

“Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan advokasi anda mengenai Malaysia MADANI yang sedang direalisasikan dengan baik,” katanya.

Jinping berkata, persahabatan tradisional antara China dan Malaysia menjangkau ‘ribuan batu’ dan persahabatan yang terjalin sejak sekian lama dipupuk melalui sejarah, pertukaran budaya, diperkukuh melalui manfaat bersama dan ditingkatkan melalui perpaduan dalam kesukaran.